

Melayu mesti kuat, maju: Pak Lah

AM - 12/05/06
Amanat Presiden pada majlis ulang tahun ke-60 Umno mahu bangsa terus usaha capai kejayaan



PETIKAN

“Kegagalan bukan satu pilihan. Wawasan 2020 ialah inisiatif yang perlu dicapai kerana akan menjadi hadiah Umno kepada bangsa bahawa kita sudah maju”

“Kini tiba masanya menjadikan kejayaan untuk muncul sebagai bangsa dan negara yang maju pada 2020 sebagai hadiah kepada orang Melayu seperti hadiah yang ditinggal pemimpin terdahulu itu”

SEMANGAT PEMIMPIN MELAYU: Abdullah bersama (dari kiri) Najib, Abdul Ghani, Ketua Pemuda, Datuk Seri Hishammuddin Hussein dan Naib Ketua Wanita, Datuk Seri Shahrizat Jalil melaungkan 'Hidup Melayu' pada majlis ulang tahun ke-60 Umno di pekarangan Istana Besar, Johor Bahru, semalam. ● LAGI BERITA DI MUKA 2, 3 DAN 4

Oleh Khirul Bahri Basaruddin, Abdul Razak Raaff, Mohd Zin Ali, Johan Afandi dan Srihanasham Nordin

JOHOR BAHRU: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam mengingatkan orang Melayu, mereka tidak mempunyai pilihan selain meningkatkan usaha bagi mencapai kejayaan dan muncul sebagai bangsa yang kuat serta maju pada 2020.

Berucap pada majlis ulang tahun ke-60 Umno di pekarangan Istana Besar di sini, beliau berkata, status sebagai bangsa maju pada 2020 akan menjadi satu lagi pencapaian bersejarah bagi orang Melayu selepas ke-

jayaan pemimpin Umno terdahulu. Perdana Menteri yang juga Presiden Umno menegaskan, orang Melayu tidak harus melepaskan peluang yang tersedia itu untuk muncul sebagai bangsa yang kuat dan maju. “Kegagalan bukan satu pilihan, ia (Wawasan 2020) inisiatif yang perlu dicapai kerana akan menjadi satu lagi hadiah Umno kepada bangsa bahawa kita sudah maju. “Janganlah lepaskan peluang ini,” katanya disambut laungan ‘Hidup Melayu’ beberapa kali oleh kira-kira 60,000 ahli Umno yang hadir sempena majlis sambutan berkenaan.

Enam puluh tahun lalu, tempat sama menjadi lokasi Allahyarham

Datuk Onn Jaafar melaungkan ‘Hidup Melayu’ sekali gus mengumumkan penubuhan Umno secara rasmi. Majlis itu mendapat restu Sultan Johor apabila baginda dan Sultanah berkenan berangkat bersama 60,000 ahli Umno memperingati penubuhan Umno di lokasi bersejarah itu. Baginda juga berkenan memberi titah ringkas serta menandatangani plak perisytiharan sambutan dan bergambar dengan anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno di Tangga Agung, Istana Besar. Antara yang hadir ialah Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak; Naib Presiden, Datuk Seri Ali Rustam dan Tan Sri Muhyiddin Yas-

sin; Pengerusi Badan Perhubungan Umno Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, serta pemimpin Umno lain. Turut hadir, bekas Presiden Umno yang juga bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta bekas Timbalan Presiden Umno yang juga bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam. Abdullah berkata, 2020 akan menjadi sejarah baru apabila pemimpin Umno ketika itu mengumumkan orang Melayu berjaya mencapai objektif muncul sebagai bangsa maju. “Bagaimanapun, amat malang jika berlaku keadaan sebaliknya, apabila orang Melayu gagal mencapai status

bangsa maju pada tempoh itu. “Jika gagal, pemimpin Umno ketika itu terpaksa bangun dan memikirkan pelbagai alasan dan sebab mengapa kita gagal mencapai matlamat untuk muncul sebagai bangsa yang maju,” katanya. Perdana Menteri berkata, usaha bergelar bangsa maju perlu dijalankan dengan cepat kerana tempoh bagi mencapai objektif bangsa serta negara maju pada 2020 itu kini tinggal kira-kira 14 tahun saja. “Pengasas Umno, Allahyarham Datuk Onn, berjaya menyatupadukan orang Melayu dari pelbagai suku, manakala pemimpin kedua parti, Allahyarham Tunku Abdul Rahman pu-

la berjaya membawa kemerdekaan kepada bangsa serta negara. “Usaha Datuk Onn dan Allahyarham Tunku adalah hadiah amat penting. Presiden parti seterusnya Allahyarham Tun Abdul Razak, Allahyarham Tun Hussein Onn dan Tun Dr Mahathir pula berjaya mengisi kemerdekaan itu dengan pelbagai usaha pembangunan bangsa dan negara. “Kini tiba masanya menjadikan kejayaan untuk muncul sebagai bangsa dan negara yang maju pada 2020 sebagai hadiah kepada orang Melayu seperti hadiah yang ditinggal pemimpin terdahulu itu,” katanya.